



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZULKIFLEE BIN AWANG BESAR  
PENGUKIR KAYU**

**OLEH:**

<b>AIN SYAFIQAH BINTI ABDULLAH</b>	<b>2021494048</b>
<b>WAN NUR AMALIN ELIANA BINTI WAN ZULMAN</b>	<b>2021476528</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 – FEBRUARI 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZULKIFLEE BIN AWANG BESAR  
PENGUKIR KAYU

OLEH:

AIN SYAFIQAH BINTI ABDULLAH	2021494048
WAN NUR AMALIN ELIANA BINTI WAN ZULMAN	2021476528

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 – FEBRUARI 2024)

# PENGHARGAAN

# **PENGHARGAAN**

## **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM W.B.T**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya, kami telah berhasil menyelesaikan tugas yang dianggap mencabar ini dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan penuh tulus ikhlas, kami ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu kami mencapai kejayaan dalam projek IMR 604: Oral Documentation, iaitu projek "Transkrip Wawancara bersama Encik Zulkiflee Bin Awang Besar Pengukir Kayu".

Kami sangat menghargai segala bantuan dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sepanjang perjalanan dan proses kami dalam menyelesaikan projek ini hingga kejayaannya. Jutaan penghargaan dan terima kasih kami sampaikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, yang telah memberikan bantuan dalam berbagai aspek dan mengatasi berbagai rintangan yang kami hadapi dalam proses menyelesaikan projek ini. Terima kasih tak terhingga kepada Puan Nurulannisa yang telah memberikan pengajaran dan bimbingan sebagai tenaga pendidik, membantu kami memahami dan menguasai subjek ini sepanjang semester 5.

Selanjutnya, ribuan terima kasih kami sampaikan kepada Encik Zulkiflee Bin Awang Besar yang telah meluangkan waktunya untuk berbagi pengalaman dalam sesi temubual mengenai biografi dan kerjaya beliau sebagai Pengukir Kayu. Kami merasa sangat beruntung karena Encik Zulkiflee Bin Awang Besar dengan mudahnya berbagi ilmu dan dengan senang hati berurusan dengan kami sepanjang kajian ini dilakukan.

Terakhir, kami juga ingin menyatakan penghargaan yang besar atas sokongan penuh dari ahli keluarga dan rakan-rakan yang selalu bersama kami dari awal hingga akhir. Kejayaan kami pada saat ini tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan, dan motivasi dari individu-individu hebat ini. Semoga Allah S.W.T memberkati kita semua di dunia dan di akhirat.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	iv
Senarai Abreviasi.....	viii
Rujukan Kata.....	x
Glosari.....	xiv
Biodata Penemubual.....	xvi
Biodata Tokoh.....	xix
Pengenalan.....	xxii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	05
Bahagian 3: Pengalaman Pekerjaan.....	07
Bahagian 4: Sejarah dan Asal Usul Seni Ukiran Kayu.....	12
Bahagian 5: Pengalaman Sebagai Pengukir Kayu.....	17
Bahagian 6: Proses Pengukiran Kayu.....	20
Bahagian 7: Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan...	27
Bahagian 8: Pendapat/Pandangan/Nasihat.....	37
Rujukan.....	45
Lampiran	
Log Wawancara.....	48
Diari Kajian.....	57
Senarai soalan.....	60
Surat Perjanjian.....	67
Gambar.....	68
Indeks.....	72

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual adalah antara tokoh iaitu Encik Zulkiflee Bin Awang Besar dan pelajar iaitu Ain Syafiqah Binti Abdullah dan Wan Nur Amalin Eliana Binti Wan Zulman untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang seni ukiran kayu khususnya ukiran singgasana istana. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup tokoh seni yang merupakan seorang pengukir kayu. Beliau juga sekarang menjalankan perniagaan pembuatan perabot kayu dan gazebo terletak di Kota Bharu Kelantan. Kajian lisan ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasikan kisah hidup dan pengalaman seorang tokoh seni pengukir kayu istana, pencapaian, dan pendapat beliau mengenai bidang ukiran pada zaman sekarang kerana warisan ukiran pada zaman dulu dan sekarang cukup berbeza dari segi teknik, gaya, konsep dan juga bahan digunakan. Selain itu, sedikit perkongsian pendapat serta harapan kepada anak-anak muda yang berminat untuk menceburi diri dalam bidang seni ukiran ini supaya menjadi pembakar semangat kepada mereka.

**Kata Kunci:** Encik Zulkiflee Bin Awang Besar, sejarah lisan, temubual, seni ukiran, tokoh, pelajar

## ABSTRACT

**Abstract:** Interviews were conducted with a prominent figure, Mr. Zulkiflee Bin Awang Besar, and students, namely Ain Syafiqah Binti Abdullah and Wan Nur Amalin Eliana Binti Wan Zulman, for the subject IMR604, which is Oral History Documentation. Mr. Zulkiflee is a notable figure in the field of wood carving, particularly in the carving of palace thrones. This study explores the background and life history of the artistic figure, who is a woodcarver. Currently, he is also engaged in the business of crafting wooden furniture and gazebos located in Kota Bharu, Kelantan. The oral study aims to document the life story and experiences of this wood carving figure, his achievements, and his opinions on the field of carving in the present era. This is significant because the heritage of carving has evolved in terms of techniques, styles, concepts, and materials used. Additionally, the study includes some insights and hopes for young individuals interested in entering the field of wood carving, serving as inspiration for them.

**Keywords:** Mr. Zulkiflee Bin Awang Besar, oral history, interviews, wood carving, figure, student

# **SENARAI**

# **ABREVIASI**

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN ABREVIASI</b>	<b>MAKSUD</b>
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UiTM	Universiti Teknologi Mara
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
AS	Ain Syafiqah
WNAE	Wan Nur Amalin Eliana
ZAB	Zulkiflee Awang Besar

# **RUJUKAN KATA**

## **RUJUKAN KATA**

<b>KATA</b>	<b>TERJEMAHAN</b>
Okay	Baik
Share	Kongsi
Ni	Ini
Tu	Itu
Lepastu	Selepas itu
Gi	Pergi
Harini	Hari ini
Takdak	Tiada
Kena	Perlu
Miksima	Maksima
Kat	Dekat
Control	Kawal
Deh	Lah
Order	Pesan
Doronge	Dorongan
Serupo	Serupa
Oyak	Cakap

Doh	Sudah
Favourite	Kegemaran
Bare	Barang
Imaging	Bayangkan
Bisa	Hebat
Kerano	Kerana
Saloh	Salah
Design	Corak
Plan	Perancangan
Olah	Buat
Router	Penghala
Drill	Gerudi
Gak	Juga
Tak	Tidak
Update	Kemas kini
Stick	Berpegang
Hok	Yang
Supplier	Pembekal
Nok	Nak
Hello	Hai

Effect	Terjejas
Bui	Bagi
Dok	Tak
Dey	Sempat
Uzbek	Uzbekistan
Nuh	Itu
Punggang-pungging	Tunggang-terbalik

# GLOSARI

## **GLOSARI**

Awan larat	Awan larat berilham daripada alam iaitu awan yang berarak apabila ditiup angin. Selain itu, ada juga yang mengatakan bahawa nama ini diambil sempena nama seorang anak kecil bernama Awang yang menggaris tanah sehingga melarat-larat menjadi bentuk yang cantik. Terdapat banyak teknik ukiran kayu awan larat antaranya ialah teknik tebuk tembus dan tebuk timbul.
Singgahsana	Singgahsana merujuk kepada kerusi atau bangku rasmi bagi kegunaan raja semasa adat istiadat rasmi. "Singgahsana" juga merupakan dari segi abstrak mewakili <i>raja</i> atau mahkota itu sendiri seperti kuasa dibelakang singgahsana.
Pahat	Alat ukir yang dibuat daripada besi yang sebelah hujungnya tajam untuk menebuk atau mengukir kayu. Terdapat tiga jenis pahat iaitu pahat lurus untuk membalak dan melicinkan ukiran. Kedua, pahat kuku untuk membentuk dan membuat lekuk sederhana. Seterusnya pahat kerup, membuat lekuk yang dalam.

# **BIODATA**

# **PENEMUBUAL**

## **PENEMUBUAL PERTAMA**



<b>NAMA</b>	AIN SYAFIQAH BINTI ABDULLAH
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	SELANGOR
<b>ALAMAT</b>	TRIANG, PAHANG
<b>NO TELEFON</b>	
<b>E-MEL</b>	
<b>PROGRAM</b>	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)

## PENEMUBUAL KEDUA



<b>NAMA</b>	WAN NUR AMALIN ELIANA BINTI WAN ZULMAN
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KELANTAN
<b>ALAMAT</b>	KOTA BHARU, KELANTAN.
<b>NO TELEFON</b>	
<b>E-MEL</b>	
<b>PROGRAM</b>	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>NAMA</b>	ZULKIFLEE BIN AWANG BESAR
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>UMUR</b>	54 TAHUN
<b>TEMPAT LAHIR</b>	PASIR TUMBOH, KELANTAN
<b>ALAMAT</b>	KOTA BHARU, KELANTAN
<b>NO TELEFON</b>	
<b>STATUS</b>	BERKAHWIN
<b>BILANGAN ANAK</b>	
<b>BIDANG</b>	SENI UKIR KAYU

## **PENGENALAN TOKOH**

Encik Zulkiflee bin Awang Besar, atau lebih mesra dikenali sebagai Pok Ju, adalah seorang pengukir seni ukiran kayu kelahiran Pasir Tumboh, Kelantan. Dengan pengalaman luas dalam seni warisan pembuatan ukiran kayu, Pok Ju telah mengukir berbagai motif seperti Ukiran Kerawang, Ukiran Bunga Raya, Ukiran Tapak Sireh, dan banyak lagi. Karyanya yang mencolok termasuk Singahsana Istana Negeri Terengganu, Mimbar Masjid Negara, Mimbar Parlimen, dan projek-projek penting lainnya.

Kelahiran beliau di Pasir Tumboh pada tahun 1970 menjadi titik permulaan bagi penglibatan Pok Ju dalam seni. Setelah menamatkan pendidikan darjah 6, beliau memulakan kerjaya dengan menuntut ilmu seni warisan pembuatan ukiran kayu. Beliau telah bekerja bersama pengukir kayu ternama di Terengganu. Pengalaman ini melahirkan keahlian beliau dalam seni ukiran kayu, yang kemudiannya diteruskan di Kelantan dengan membuka bengkel sendiri sehingga menerima banyak tempahan daripada individu-individu yang kenamaan. Pok Ju telah memperoleh anugerah pengiktirafan daripada Kraftangan Negara. Karyanya yang berkualiti tinggi dan kecekalan semangatnya dalam seni warisan pembuatan ukiran kayu telah memperkuuhkan namanya di kalangan pengukir kayu di negara.

Ketabahan, kecekalan, dan semangat juang Pok Ju terhadap seni ukiran kayu telah menjadi inspirasi. Beliau telah memberikan sumbangan besar kepada seni warisan pembuatan ukiran kayu, khususnya di negeri kelahirannya, Che Siti Wan Kembang atau kini dikenali dengan Negeri Kelantan. Dalam usia 53 tahun pada tahun 2023, Pok Ju terus meneruskan perjuangannya yang telah bermula sejak usia 12 tahun, menunjukkan cinta dan kesetiaan yang utuh terhadap kesenian ukiran kayu selama 41 tahun. Keabadian warisannya sebagai tokoh seni akan terus dikenang dan dihargai oleh generasi masa hadapan.

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Transkrip ini berkajian tentang seni ukiran kayu. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seni boleh dijelaskan sebagai hasil ciptaan yang ditunjukkan melalui bakat meliputi karya halus yang memancarkan keindahan dan memberikan kepuasan kepada peminatnya. Contohnya termasuk ukiran, lukisan, muzik, dan puisi. Sementara itu, ukiran pula didefinisikan kepada proses atau hasil dari seni membuat corak atau gambar pada permukaan sesuatu objek, terutamanya dengan menggunakan teknik memahat atau memotong. Secara umum, istilah ini merujuk kepada seni atau kerajinan membuat corak yang melibatkan pengerajan tangan untuk menghasilkan rupa atau hiasan yang indah dan kreatif pada berbagai medium seperti kayu, logam, batu, atau bahan-bahan lain. Dalam konteks kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, "ukiran" dapat merangkumi pelbagai bentuk seni hiasan, seperti ukiran kayu, ukiran logam, ukiran batu, dan sebagainya. Ia melibatkan kreativiti, kecekapan teknikal, dan kehalusan pengerajan untuk menghasilkan hasil yang estetik dan bermakna. Seni ukiran sering kali dianggap sebagai suatu bentuk seni warisan yang memperkaya budaya dan warisan seni suatu masyarakat.

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sejarah lisan adalah kaedah merekodkan kenangan seorang tokoh melalui wawancara. Tokoh yang dipilih biasanya memberikan maklumat sejarah dari pengalaman mereka sendiri atau hubungan langsung dengan watak, masa, atau peristiwa tertentu. Informasi dari wawancara ini dapat digunakan sebagai sumber pengajaran dan penyelidikan setelah disemak dan ditaip. Pentingnya memelihara warisan menjadi landasan utama dalam pembangunan generasi masa depan. Warisan ini mencerminkan budaya setiap bangsa dan seharusnya dijaga dan diamalkan hingga akhir zaman. Tinggalan sejarah juga menjadi daya tarik utama bagi pelancong luar, menjadikan pentingnya untuk memelihara identiti negara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah, termasuk warisan seni.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni pembuatan ukiran kayu. Bersama-sama kami ialah Encik Zulkifle Bin Awang Besar yang merupakan seorang pengukir kayu dari tahun 2000 hingga tahun 2023. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16 Disember 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Kota Bharu Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Ain Syafiqah Binti Abdullah dan Wan Nur Amalin Eliana Binti Wan Zulman. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**ZAB:** Zulkifl Awang Besar  
**AS:** Ain Syafiqah  
**WNAE:** Wan Nur Amalin Eliana

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

- AS** : Mengenai sesi soalan pertama iaitu latar belakang bolehkah Pok Ju ceritakan berkenaan latar belakang? Nama penuh, umur, tempat tinggal, tempat lahir.
- ZAB** : Sekarang saya ni-- Assalamualaikum lah. Haa saya ni umur sudah tua berasalnya di Pasir Tumboh (Kelantan). Asasnya [Bunyi angin] pekerjaan saya daripada kecil lagi dan sampai sekarang ni pun masih bekerja kayu lagi. [Bunyi angin]. Yang kedua-- [Bunyi kambing] apa tadi?. Haa asalnya di Pasir Tumboh (Kelantan) bekerjanya daripada kecil sampai ke besar bekerja kayu sampai hari ini.

- AS : Pak cik ada nama samaran tak selain Pak cik Ju tu?**
- ZAB : Nama samaran saya tu kira adalah-- antara panggil Pok Ju lah daripada sampai ke tua sekarang ni. Jadi pengalaman kerja daripada kecil-- eh nak bagi tahu pengalaman kerja eh. Daripada kecil darjah enam saya dah kerja ni (ini) sebab saya sudah tidak nak...nak cari ilmu cuma saja-saja nak cari pengalaman beberapa tahun jadi saya pun terpikat dengan pekerjaan kayu ni (ini), jadi kalau di fikir-fikirkan lebih baik kerja kayu lah lebih selamat daripada kerja lain daripada kerja yang itulah kemahiran tu memang kena cari kan?. Dari buka kilang sendiri ni (ini) sejaknya nak 17 tahunlah saya buka bisnes di sini sampailah ke hari ini. Kerja memang lah banyak [Bunyi notifikasi telefon dan burung] kata banyak tempahan daripada kawan-kawan semua mari daripada kontrak-kontrak kontraktor jadi selebih selanjutnya kalau nak beritahu sesuatu kayu ke apa serta okay (baik) ke ni lebih lanjut saya kena share (kongsi) lebih baik lagi.**
- AS : Nak (Hendak) yang latar belakang tadi, boleh tak pak cik ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa, adik beradik?**
- ZAB : Oh hal tu, saya daripada kecil lagi bekerja kayu ni, orang tua sudah meninggal-- orang tua dah (sudah) meninggal terpaksa kena cari duitlah untuk sara hidup kan. Daripada kecil lagi kerana kita bekerja kayu (membetulkan posisi duduk) tak...tak...ah tak boleh kerja lain dah haa dah dah mahir kemahiran kita duduk kat sini haa dia sampai dah (sudah) tua begini pun masih kerja kayu lagi lah (ketawa). Apa lagi? (bertanya).**
- AS : Kalau berkenaan dengan pasangan dan anak-anak?**
- ZAB : Pasangan anak-anak ni okay (baik) takde masalah.**

- AS : Kerja apa, anak-anak sekarang berada kat (di) mana?
- ZAB : Anak-anak sekarang ni dah lagi. [Soalan daripada AS]. Anak tiga orang, dua orang dah masuk universiti. [Bunyi kicauan burung]. Alhamdulillah lah peluang semua masuk universiti.

- WNAE : Boleh tak bagi nama wife (isteri), nama isteri?

- ZAB : Boleh, nama isterinya Suriza binti Jusof, dan anaknya Muhammad Aidi...yang kedua Nurul Izzah Adila....yang ketiga...Nur Aleeya Najwa.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**WNAE :** Okay (baiklah) baiklah sekarang kita akan beralih ke persoalan seterusnya iaitu berkenaan sejarah pendidikan encik. [Bunyi Atap Zink]. Soalan pertama, bolehkah encik ceritakan serba sedikit sejarah berkaitan pendidikan encik? [Bunyi Angin].

**ZAB :** Oh masalah...soalan tu (itu)...pendidikan? (bertanya). [WNAE mengangguk bersetuju]. Erm... (berfikir) masalah pendidikan ni (ini) daripada kecil (kecil) sampai ke besar tak banyak okay (baik). Pendidikan dari segi pelajaran? (bertanya). [WNAE mengangguk bersetuju]. Haa tentang pelajaran ni tak tinggi dari sekadar SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]...SRP [Sijil Rendah Pendidikan] ya..haa kan SRP [Sijil Rendah Pendidikan] sekolahnya daripada sekolah Kubang Kerian (Kelantan)...sekolah Kubang Kerian (Kelantan). Lepastu (Selepas itu) ke Sekolah ... [Bunyi motosikal].

**WNAE :** Okay (baiklah) soalan yang kedua...sewaktu masa bergelar pelajar [Bunyi kereta], adakah encik mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara contohnya macam (seperti) subjek kemahiran hidup?

**ZAB :** ...\_\_...dia jika kemahiran hidup ni daripada kecil (kecil) lagi kita minat tak kiralah apa sekalipun dari segi mekanikal ke dari segi pertukangan ke kita selalu sentiasa bergelora dalam fikiran. [Bunyi kereta].

**WNAE** : Okay (baiklah) encik juga pernah bergiat aktif dalam menyertai kursus khas di dalam persatuan? [Bunyi kereta].

**ZAB** : Ya ada dalam persatuan ni (ini) ada banyak. ...\_ \_ \_... kemahiran senilah yang melalui kawasan Malaysia di mana-mana pun saya gi (pergi) buat pameran untuk kerjaya saya lah.

**WNAE** : Okay (baiklah) apakah pengalaman di zaman persekolahan encik tidak dapat dilupakan?

**ZAB** : Masa pengalaman sekolah dulu ada masalah cikgu ni (ini) bising-bising tentang pelajaran kita ni. Kita kena tanggunglah apa yang dia beri-- kita ilmu kita kena terima dan juga ilmu yang dia ajar kita tu kita guna baik pakai sampai ke harini (hari ini).

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN**

- AS : Okay (baiklah) mengenai pengalaman kerjaya encik, macam mana encik mulakan kerjaya pertama selepas menamatkan pengajian? [Bunyi angin].
- ZAB : Selepas tamat pengajian saya selalu pergi ke bengkel-bengkel tempat lain untuk cari ilmu kerjalah, mengenali...pertama nak mengenali barang-barang yang kita nak buat kerja ni (ini) lah seperti kayu seperti barang-barang mesin apa ni [Bunyi ketukan]...lepastu baru kita boleh-- dia nak mengendalikan sendiri.
- AS : Start (mula) umur berapa?
- ZAB : Umur semasa tu dalam umur dua puluh dua, dua puluh satu, dua puluh tiga, dua puluh lima, dua puluh enam (batuk).
- AS : Apakah langkah-langkah yang encik ambil untuk dapatkan kerja tersebut?
- ZAB : Langkah-langkah yang saya ambil contohnya barang-barang yang nak digunakan untuk kita buat apa pun terpaksalah kita kena...kita kena usaha lebih kuatlah untuk mendapatkan bahan-bahan yang diberikan yang kita nak buat kerja ni (ini).
- AS : Contoh lain?
- ZAB : Contohnya seperti alat-alat mesin apa ni...mesin yang kita nak buat kerja.

- AS : **Siapa yang memainkan peranan dalam mempengaruhi encik dalam memilih bidang ini?**
- ZAB : Dia (berfikir)...daripada...daripada dulu lagi. [Bunyi atap zink]. Sebenarnya takdak (tiada) pengaruh yang nak buat saya usaha sendiri. Pengaruh daripada kawan-kawan pun takda (tiada). Saya usaha sendiri lah untuk kerja saya untuk berjaya dalam bidang ni (ini) yang diceburi selama ni (ini). [Bunyi notifikasi telefon].
- AS : **Apa yang membangkitkan semangat dan minat terhadap bidang ukiran kayu?**
- ZAB : Dalam bidang ukiran kayu ni banyak ciri-ciri daripada pecahan tiga. [Bunyi mesin rumput]. Yang pertama kita kena usaha, tekun, dan fikiran kita pun hendaklah sentiasa berkembang sentiasa terbukalah untuk membuat satu benda ni (ini) yang kita boleh buat...jadi...diam eh (ketawa). [Seseorang lalu di hadapan]. Usaha yang lebih penting daripada...daripada fikiran kita ni (ini) usaha yang boleh membuat membantu kita untuk menjadi kejayaan. [Bunyi mesin rumput].
- AS : **Kalau dari segi tugas utama dalam ukiran kayu?**
- ZAB : Tugas utama ukiran kayu yang utama kena (perlu) mengenali kayu supaya kita boleh buat benda ni (ini)...buat benda ni (ini)...benda...benda kayu ni (ini) dapat buat benda ni (ini)...kalau kita tak mengenali kayu kita tak boleh buat barang ukiran. Kalau kita buat barang ukiran dengan kayu yang tidak pasti diguna dia [ukiran] tidak boleh menjadi. [Bunyi mesin rumput].

**AS** : **Berapakah tempoh perkhidmatan dalam bidang ini? [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB** : Tempoh perkhidmatan...maksudnya... [Bunyi mesin rumput].

**AS** : **Berapa tahun dah ceburi-- [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB** : Ceburi...dalam...hampir-hampir tiga puluh tahun. [Bunyi mesin rumput].

**AS** : **Dari segi pendapatan adakah mencukupi atau memuaskan? [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB** : Dari segi pendapatan kalau kerja usaha yang lebih kita akan dapat lebih kalau usaha saja pun kita dapat. Tapi sentiasa kerja ni (ini) sentiasa ada orang-- pendapatan tu sentiasa masuklah. [Bunyi mesin rumput].

**AS** : **Paling banyak dapat? [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB** : Pendapatan yang paling banyak tu (itu) kalau tu (itu) dalam maksima (maksima) sekarang ni lebih kurang dalam lima, enam ribu tu (itu) keuntungan dalam...\_ \_ \_ada lebih...lebih lah paling banyak kat (dekat) sepuluh, lima belas pun dapat. [Bunyi mesin rumput].

**AS** : **Siapa je yang minta buat ukiran kayu?. Permintaan daripada siapa? [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB** : Permintaan daripada pejabat-pejabat kerajaan pun ada, permintaan daripada orang-orang kampung dan tu (itu) lah sentiasa sekurangnya--

barang-barang kerajaanlah buat tempahan (diam seketika). [Bunyi mesin rumput dan kicauan burung].

- AS : **Sejauh manakah encik berpuas hati semasa bekerja dalam bidang ni (ini)?**
- ZAB : Kalau mengikut...kalau tak puas hati memang tak puas hati tapi kejayaan kita dah - lumrah dah kita macam ni (ini) kita kena terima je eh pendapat (pendapatan) banyak sikit pun sentiasa kita kena ambil...usaha lebih dapat lebih. [Bunyi mesin rumput].
- AS : **Pencapaian terbesar yang pernah dapat ketika-- [Bunyi mesin rumput].**
- ZAB : Ukiran kayu ni pencapaian terbesar terdapat di...kalau nak cari kat istana Kuala Terengganu...istana Kuala Terengganu memang saya dapat banyaklah...dia (ukiran kayu) satu ribu tu (itu) boleh lah beruntung dalam setahun. [Bunyi mesin rumput].
- AS : **Ada tak cabaran atau ujian yang encik hadapi sepanjang perjalanan kerjaya?**
- ZAB : Dia (ukiran kayu) cabaran dari segi meniaga kayu ini memang banyak cabaran. Risiko dia kita kena terima banyak kebanyakan orang yang tak bayar...orang bayar tu (itu) tidak memakan (menyusahkan) diri kita...yang kita tahu harga dia bagi yang lain. Jadi kita pandai-pandai control (kawal) diri deh (lah-- rezeki pendapatan tapi kalau boleh-- memanglah lumayan. [Bunyi mesin rumput].

AS : **Dari segi dapatkan kayu ataupun barang-barang ukiran? Ada tak?.**  
[Bunyi mesin rumput].

ZAB : Mendapat kayu ni dari segi kayu ni memang mudah dapat bagi sayalah mudah dapat kayu kalau kayu yang cengal tu memang payahlah nak dapat. Kayu selain daripada cengal boleh lah kalau tidak seberat cam (macam) tu (itu) kalau order (pesan) harini memang esok sampai lah.

AS : **Selalunya berapa kos dapatkan kayu tu (itu)? [Bunyi mesin rumput].**

ZAB : Dapatkan kayu kalau contohnya baik kayu seri kita lah contoh kalau luar biasa seri kita. [Bunyi mesin rumput]. Harga sekarang ni (ini) melambung naik tinggi, harganya tinggi tapi kalau kita buat kita (ukiran kayu) ni (ini) memang berbaloi lah...boleh lah kalau tidak sikit, banyak ha tapi ada untung. [Bunyi mesin rumput].

AS : **Pernakah encik mendapat sebarang penghargaan atau anugerah semasa--**

ZAB : Ya saya pernah dapat anugerah daripada Kraftangan Malaysia, empat bintang dari segi anugerah kerajaan beri...\_\_\_.kira empat bintang ni (ini) okay (baik) lah. lima bintang tu untuk anugerah besar. [Bunyi mesin rumput].

**AS : Hanya anugerah di Malaysia sahaja? [Bunyi mesin rumput].**

**ZAB : Di Malaysia sahaja, Kraftangan Malaysia.**

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH DAN ASAL USUL SENI UKIRAN KAYU**

**WNAE : Okay (baik) baiklah mengenai asal usul dan sejarah ukir kayu, bolehkah encik berkongsi dengan kami sejarah dan asal usul seni ukiran kayu?**

**ZAB : Oh ukiran kayu ni banyak kategori dari segi semuanya orang panggil awan larat, ukiran tu (itu) awan larat tapi dia (ukiran) berpecah banyak pecahan. Kalau segi ukiran ni (ini) awan larat ni (ini) iaitu ia gi ke golongan pertama, bunga raya, pucuk rebung, daun sirih, daun ketumbit, bunga petai ha itulah yang selalu saya guna untuk buat ukiran di ukiran-ukiran Melayu.**

**WNAE : Sudah berapa lamakah warisan seni ukiran ini, encik--**

**ZAB : Seni ukiran ini kalau sejak daripada belasan tahun lagi saya buatnya sampai sekarang ni kira boleh bekerja dengan baiklah.**

**AS : Selain diri sendiri yang meminati bidang ukiran ini, ada tak orang lain yang mendorong encik dalam bidang ukiran kayu?**

**ZAB : Dalam bidangan kayu ini orang lain takdak (tiada) beri doronge (dorongan) tak...tak...tak wajiblah maksudnya dan mari dengan minat dengan sendiri...untuk buat warisan-warisan ukiran kayu ini daripada kecil. [Bunyi kucing].**

**AS : Dari mana encik belajar ukiran kayu ini? [Bunyi kucing].**

**ZAB : Belajar ni (ini) daripada arwah Latif Long pengusaha ukiran kayu**

termasyhur di Kelantan dan Terengganu, di sitalah kami mendapat pelajaran daripada Latif Long. [Bunyi angin].

AS : **Ada sebarang kursus-kursus kelas ataupun pergi belajar sendiri? [Bunyi angin dan mesin rumput].**

ZAB : Takde kursus kelas, pergi dengan sendiri...\_ \_ \_...daripada-- orang kata kita ni (ini) nak suruh orang ajar sepenuhnya memang tak dapatlah kita kena minat dengan sendiri. [Bunyi notifikasi telefon].

AS : **Boleh tak encik senaraikan alatan yang penting dalam seni ukiran kayu?**

ZAB : Peralatan tu memang kena kelecoh (pahat) untuk dia (ukiran) pahatnya sebanyak empat puluh dua batang tu (itu) untuk ukiran kayu bermacam-macam ukiran kalau boleh siap dalam empat puluh dua batang tu (itu)...alat pahat lah contohnya.

WNAE : **Adakah bahan itu, bahan peralatan untuk ukir kayu tu (itu) susah didapati? [Bunyi notifikasi telefon]**

ZAB : Tentang peralatan contohnya seperti pahat tu (itu) memang susah nak didapati kerana cara guna pahat tu (itu) masing-masing tak sama tidak macam doktor, kalau doktor dia buat sama, kalau gunting...gunting sama ni (ini) kita pahat yang sama tapi bentuk pahat tu (itu) tak serupa kemahiran masing-masing.

**WNAE** : Okay (baiklah) kalau-- contohlah macam mana encik nak dapatkan bahan tu, lokasi beli dekat...dari--

**ZAB** : Tentang pahat yang boleh buat kerja tu (itu) selalunya saya order (pesan) daripada Indon. Kalau buat sendiri pun seperti saya cakap tadilah atas tangan masing-masing, selalunya orang beli kat Indon order (pesan) kat Indon lah. [Bunyi mesin rumput].

**WNAE** : Okay (baiklah) berapakah jenis ukiran kayu yang ada yang encik belajar? [Bunyi mesin rumput].

**ZAB** : Ukiran kayu? (bertanya). Maksud bunga-bunga ke macam mana? (bertanya). Bunga-bunga ni macam saya cakap tadilah...bunga ketumbit, bunga raya....\_ \_...pucuk rebung pastu (selepas itu) dia berkaitan dengan awan larat. Sama saja. Ya? (bertanya). [Bunyi mesin rumput].

**AS** : Ada tak jenis ukiran lain yang encik buat? [Bunyi mesin rumput].

**ZAB** : Selain bunga ni (ini) saya buat...sistem geometri...geometri islamik lah. Kalau contoh islamik tu (itu) saya buat di masjid lah di masjid ke apa ke untuk peminat islamik tidak semestinya bunga lah.

**WNAE** : Adakah setiap ukiran kayu ni (ini) dia punya bentuk yang berbeza?

**ZAB** : Memang...memang ukiran kayu ni (ini) berbentuk berbeza dia berpecah kepada empat bentuk. Yang pertama bunga Malaysia, bunga Melayu, yang kedua Swiz, yang ketiga Indonesia, yang keempat- [Bunyi kicauan burung].

**WNAE** : Erm (berfikir)...adakah setiap ukir...reka bentuk ukiran kayu ni (ini) yang encik buat mempunyai fungsi dan keunikan yang berbeza?

**ZAB** : Kayu ukiran-ukiran Melayu ini nak kata berbeza tak berbeza tapi konsep dia tu lain-lain cara buat pun lain-lain. Contohnya Swiz ke Thailand ke Indonesia ke memang tak sama...kegunaan pahat pun memang tak sama.

**WNAE** : Selain daripada encik, adakah ada terdapat pembuat seni ukiran kayu lain daripada kawasan ni (ini)? [Bunyi kicauan burung].

**ZAB** : Daripada kawasan ni (ini) takde...dalam 10 kilometer persegi ada sorang, 20 kilometer persegi ada sorang, daripada jarak ukiran...\_ \_ \_ dalam sepuluh kampung tu (itu) ada dua atau tiga pengusaha pengukir.

**WNAE** : Erm (berfikir)...apakah tujuan utama seni pembuatan ukiran kayu dalam konteks seni dan kebudayaan?

**ZAB** : Kelebihan ukiran kayu ni (ini) susah nak (hendak) cari...[Bunyi ayam berkокok]...pembuat tukang kayu maksudnya susah nak (hendak) cari dan...barang lain pun tak sama dengan ukiran kayu bagi individu diri sendiri.

**WNAE** : Bagaimanakah seni pembuatan ukiran kayu dapat mempengaruhi atau menambah nilai estetik bagi sebuah bentuk dan objek? [Bunyi ayam berkokok].

**ZAB** : Ukiran kayu ni (ini) memang unik...[Bunyi ayam berkokok]...segolongan minat ada segolongan tak minat ada golongan yang suka tak suka pun tak

(tidak) tahu...kebanyakan ukiran kayu ni (ini) takkan (tidak akan) hapus (hilang) di antara kita orang Melayu. [Bunyi atap zink dan angin].

**WNAE : Apakah peranan seni pembuatan ukiran kayu dalam melestarikan budaya dan tradisi masyarakat? [Bunyi ayam berkокok].**

**ZAB : Ukir kayu ni (ini) dari segi masyarakat Melayu ramai penggemar tapi...dia penggemar tu (itu) ramai...nak barang tu memang susah nak dapat. Semua orang nak ha tapi nak dapat tu payah. [Bunyi atap zink]. Kebanyakannya pengusaha-pengusaha serupo (seperti) saya ni boleh dapat yang lebih lagi pun boleh dapat...jadi kita-- atas minat masing-masing lah. [Bunyi ayam berkокok].**

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SEBAGAI PENGUKIR KAYU**

- AS : [Bunyi bising burung berkicau dan bunyi tiupan angin sepoi-sepoi] seterusnya kami ingin bertanya pengalaman encik sebagai pengukir kayu.
- AS : Pertama mengapakah encik memilih [Bunyi kertas yang di selak oleh AS] [Bunyi kicauan burung] untuk menjadi pengukir kayu?
- ZAB : [Bunyi orang berdehem] Pengukir kayu ni anugerah daripada maha esa yang bagi dekat saya. Saya kena terimalah kemampuan yang dia beri dekat saya dan kita kena akui dan kita kena ajar dekat orang lain pula. Anugerah itu.
- AS : [Bunyi atap zink ditiup angin] Berapa lama masa yang [Bunyi orang bertukang di belakang tadbir] diperlukan untuk mempelajari teknik [Bunyi angin yang bertiup kencang] pengukiran kayu?
- ZAB : Kalau teknik pengukiran kayu contohnya pelajar nak mendapatkan ilmu ni aaaa sekurang-kurangnya empat tahun baru dapat dalam tujuh puluh peratus [Bunyi ensel pintu bergerak kerana ditiup angin] ilmu pengukiran kayu.
- AS : Tadikan encik cakap yang encik belajar dekat Terengganu kan selain belajar dengan dari orang lama, ada tak encik belajar sendiri?
- ZAB : Dia seperti yang saya cakap tadi dari Terengganu Dia sifu lah saya [Bunyi kertas yang di selak oleh AS] oyak (cakap). Saya belajar dengan dia tidak belajar juga tapi belajar sambil bekerja. Kalau kita belajar betul-betul [Engsel pintu berbunyi kerana ditiup angin] belajar.

ZAB : Kita masuk giant ke apa ke memang tidak dapat ilmu. Kita kena minat dengan sendiri. Usaha dengan sendiri barulah kita dapat aaa ilmu pengukiran. Kalau kita kena paksa [Engsel pintu berbunyi kerana ditiup angin] memang tidak dapat kan?

AS : **Dalam masa tiga puluh tahun [Bunyi angin] hasil ukiran kayu tersebut agak-agak berapa jumlah ukiran kayu encik telah hasilkan.**

ZAB : Kalau dikira mari (dihitung) saya pun tak ingat lah banyaklah kalau hasil jualan tu mungkin dalam empat ratus atau lima ratus ribu doh (sangat) nilai-nilai semua. Dia hasil dia agak banyaklah. Sekaki persegi tengok berdasarkan barang yang kita buatlah. Sekarang ni ikut marketlah dalam lapan ratus hingga tujuh ratus ringgit satu kaki persegi. Kalau kita buat seminggu eh [Bunyi angin] dalam satu hari dapatlah separuh kaki pun dapat [Bunyi angin].

AS : **Apa ukiran kayu yang paling susah [Bunyi notifikasi whatsapp] nak dibuat?**

ZAB : Ukiran kayu [Bunyi bertukang dibelakang tadbir] yang susah sebenarnya pada jenis kayulah [Bunyi bertukang dibelakang tadbir] terutamanya kayu Malaysia iaitu kayu merawang paling susah kalau paling senang kayu chengal kayu chengal tu paling favourite (kegemaran) lah.

AS : **Kalau seni ukiran kayu yang paling susah?**

ZAB : Seni ukiran kayu yang paling susah contohnya kayu meranti, kayu meraweh.

**WNAE : Kalau bunga tu?**

ZAB : Oh bunga itu bergantung kepada bunga lah.

**AS : Corak bunga yang paling susah?**

ZAB : Kalau corak bunga yang paling susah. Kalau kita kira ni ermeee corak bunga ketumbit lah. Sebab corak daun ketumbit ini memang susah.

**WNAE : Selain itu objek, objek yang nak jadikan ukiran ukiran kayu ke?**

ZAB : Contohnya nak jadikan bare (barang). Kita kena tengok dan bergantung pada barang pada dia punya saiz Apa saiz yang client nak kita buat design kita. Berapa-berapa sekurangnya sentimeter dia nak baru kita boleh buat. Kalau nak corak geometri kita pun boleh buat.

**AS : Ambil berapa masa lama [Bunyi notifikasi aplikasi whatsapp dari telefon bimbit] untuk siapkan ukiran kayu ini untuk satu persegi?**

ZAB : Satu kaki persegi kalau betul-betul kerja dalam lapan atau lima jam bolehlah dalam setengah kaki sehari...seni kan

**AS : (angguk) [Tanda setuju]**

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PROSES PENGUKIRAN KAYU**

**AS** : Dari segi proses pengukiran kayu, Boleh tak encik kongsikan berkenaan dengan proses tersebut.

**ZAB** : Proses boleh ulang sekali lagi?

**AS** : **Proses pengukiran kayu berkenaan dengan proses ukiran kayu.**

**ZAB** : Ya [Bunyi engsel kayu yang ditiup angin]

**AS** : **Maksudnya dari awal buat macam mana?**

**ZAB** : okey-okey dari proses buat ukiran kayu ini yang pertama kita kena cari pembekal kayu, peralatan dan juga mesin-mesin yang juga kita sepatutnya kita guna. Yang penting [diskus] bincang design corak bunga. apabila kita dapat aaa ilham bunga tu sesuatu benda tu baru kita boleh buat. Yang kedua kita kena imaging (bayangkan) kita punya fikiran kita tu (itu) apa yang kita nak buat sesuai dengan sebab.

**AS** : **Adakah proses mengukir kayu ni sangat rumit?**

**ZAB** : Memang rumit [(Bunyi burung berkicauan] Bagi yang tidak ada pengalaman memang rumit Bagi yang ada pengalaman-pengalaman ini yang boleh ini tidak rumit. bisa kerano beso, takut kerano salah hebat kerana dah terbiasa, takut kerana takut salah melakukan.

**AS** : **Pernah tak putus asa masa buat ukiran kayu?**

ZAB : Pernah putus asa ni pernah Macam mana ermmm ukiran kayu ni kita ni bermasalah Kalau kita bermasalah ni kalau kita nak buat ukiran kayu ni tidak boleh buat. Risiko kita akan dapat.

AS : **Proses yang manakah yang paling rumit untuk dikendalikan?**  
**Contohnya proses ukir ke.**

ZAB : Proses yang rumit ukir ni (ini) Yang rumit sekali ni proses design (corak).

AS : **Design (corak).**

ZAB : Design (corak) kita nak reka dia punya plan (perancangan). Paling rumit.

AS : **Ambil masa berapa hari untuk fikir untuk satu design (bentuk)?**

ZAB : Satu design tu bergantung kepada permintaan pelanggan...Kalau bunga yang susah tu mungkin dalam dua jam tiga jam kita mari olah (buat) tu lah (itulah). Kalau orang lain kita tak tahu lah kan. (Suasana senyap seketika).

AS : **Adakah setiap ukiran kayu tu mempunyai tempoh penghasilan yang berbeza?**

ZAB : Macam mana eah?

AS : **Adakah setiap ukiran kayu mempunyai tempoh penghasilan yang berbeza? Maksudnya satu kayu ni berapa lama satu kayu tu berapa lama.**

ZAB : Kalau ukiran kayu ini aaa kayu yang paling senang kayu chenggal dengan kayu lain berbeza aaaa dalam beberapa minit tu dalam satu kuntum bunga tu memang berbezalah kalau chenggal memang A lah tak dapat.

**AS :** [Bunyi motosikal] Apakah alatan dan mesin yang digunakan untuk hasilkan ukiran kayu?

ZAB : Alatan ukiran kayu yang pertama pahat yang kedua mesin router yang ketiga mesin-mesin yang untuk membuat ukiran ni tak banyak.Hanya tiga Sahaja iaitu router, jigsaw dan drill (penghala, jigsaw dan gerudi). Tidak perlu mesin besar pun.

**AS :** Dari segi pembekal, siapakah pembekal alatan mesin atau buat sendiri, beli sendiri?

ZAB : Dari segi mesin kita beli sendiri, membekal sendiri kita usaha sendiri. Tidak bergantung kepada orang lain. Setelah kita dapat 50-50 kita oyak (cakap) dan bantuan dari kerajaan Asas utama.

**AS :** Adakah [Bunyi helaian kertas diselak] alatan dan mesin itu dijual dengan harga yang tinggi atau mesin itu mudah didapatkan

ZAB : Mesin untuk buat [Bunyi orang bertukang dibelakang tadbir] ukiran ni senang nak dapat. Harganya murah senang nak dapat tapi kitab oleh buat dengan kebijaksanaan kita kalau kita tak pandai tak boleh jadi.

**AS :** Apakah [Suasana sunyi seketika] jenis ukiran yang biasa diukir?

ZAB : Biasa diukir [Bunyi enjin kereta] kalau kita orang malaysia ni biasanya bunga raya dan pucuk rebung.

ZAB : [Bunyi enjin kereta] Kegemaran orang melayu.

AS : **Oooo orang melayu.**

AS : **Adakah ukiran [bunyi notifikasi aplikasi whatsapp dari telefon bimbit] pada kayu itu [Bunyi plastik yang dipijak dikaki] mempunyai maksud yang tertentu?**

ZAB : Ukiran kayu yang [Bunyi ensel pintu] maksud tertentu. Kalau dikiranya lain pada yang lain. Kalau contoh macam yang saya cakap tadi lah.

ZAB : Kayu itu hendaklah [Bunyi barang jatuh] dikeringkan dahulu. Barulah kita boleh buat ukiran kalau tidak dikeringkan kita tidak boleh buat ukiran.

AS : **Boleh encik ceritakan maksud ukiran tu [Bunyi helaian kertas yang diselak] contohnya ukiran bunga raya apakah maksudnya, ukiran bunga ini apa maksudnya?**

ZAB : Ukiran bunga raya ini melambangkan kebangsaan negara kita jadi kita kena buat dalam satu design bunga raya ini macam mana sekalipun kita kena buat dia punya bunga raya satu kuntum. Kalau kita tak buat dia takkan jadi bunga raya.

ZAB : Kalau bunga lain tu,motif lain tu (itu) [Bunyi barang jatuh] kita tengok pada suasana permintaan pengguna. Contohnya resort, design (corak) dia macam ni. Tempat pelancong-pelancong lagu lain (corak lain).

- AS** : Apakah ukiran yang encik paling gemari?
- ZAB** : Ukiran yang paling gemari ialah kalau itu adalah daun sirih lah. Senang nak buat.
- AS** : Ambil berapa masa lama untuk buat ukiran daun sirih?
- ZAB** : Ukiran daun sirih pada kayu ini. Contohnya kita boleh buat 3jam atau 2 jam dah boleh siap.
- AS** : Adakah encik [Bunyi burung berkicauan] mempunyai peranti bagi ukiran kayu ini?
- ZAB** : Peranti?
- WNAE** : Peranti macam mesin khusus [Suasana diam seketika].
- WNAE** : Mesin khusus macam sekarangkan canggih. Contohnya kita nak cetak bunga raya dekat kayu tu?
- ZAB** : Oh kalau mesin tu saya tak minat kerana mesin tu tak beri hasil seni kraf kepada industri kita.
- AS** : Boleh tak encik [Bunyi helaian kertas diselak] kongsikan kriteria untuk jadi pengukir?
- WNAE** : Ciri-ciri pengukir.

ZAB : Buat masa sekarang ni saya ada cita-cita dan apa tu saya nak buat benda tersebut diminati ramai.

ZAB : [Bunyi Kambing mengembek] Dan kita buat ukiran ini walaupun kecil besar, tua muda pun minat macam tu faham?

**AS : Jadi ciri-cirinya hanyalah minat sahaja lah.**

ZAB : Iya hanyalah minat sahaja untuk mempamerkan dekat orang. Kita bukan nak meniaga tapi nak tunjukkan dekat orang bakat kita.

**AS : Apakah nasihat encik untuk individu yang ingin menjadi pengukir kayu?**

ZAB : Kalau boleh seterusnya lebih ramai lagi pengukir-pengukir anak-anak muda kita menggalakkan supaya dari segi bidang ukiran kayu ni kalau boleh perluaskan lah.

**AS : Adakah menjadi [Bunyi kambing mengembek] seorang pengukir ini mencabar bagi encik?**

ZAB : Pengukir kayu memang mencabar, mencabar dari segi fikiran, mencabar dari segi perbuatan,dari segi perniagaan. Memang mencabarlah.

**AS : Antara cabaran-cabaran tersebut?**

**ZAB : Cabaran pertama masalah kayu, kita susah nak dapat kayu yang berkualiti untuk membuat ukiran [Bunyi notifikasi aplikasi Whatsapp dari telefon bimbit].**

**ZAB : Ada lagi, banyakkan lagi soalan?**

**AS : Ada lagi.**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7: PENCAPAIAN/ PENGANUGERAHAN DAN SUMBANGAN**

**WNAE** : Okey, seterusnya kami ingin bertanya berkenaan dengan pengalaman encik sebagai pengukir kayu. Okey soalan untuk bahagian ini, sudah berapa [Bunyi orang bersin dan batuk-batuk] lamakah encik menguruskan stor ini?

**ZAB** : Dalam pengurusan kilang ini, hampir- hampir 18 tahun doh (sudah) mengusahakan dan [Bunyi burung berkicauan] membuat ukiran di tempat ini lah.

**WNAE** : Okey lepas itu bolehkah encik kongsikan perkembangan bisnes encik dari dulu hingga kini. Contohnya start daripada encik jadi pengukir kayu. Mula-mula encik start daripada kilang ni ke? Atau kilang mana dulu? Atau kecil-kecilan?

**ZAB** : Mengukir kayu ini daripada saya berusia dari kecil lagi.

**WNAE** : Tempat?

**ZAB** : Tempat tu dulu memang saya bekerja daripada orang. Dari kecil lagi bekerja dengan orang. Lepastu lama-kelamaan, kita buat sendirilah sampai setakat mana yang boleh buat kan?

**WNAE** : Okey, [Bunyi orang bertukang di belakang tadbir] adakah pengusahaan ukiran kayu ini diuruskan oleh encik sahaja?

**ZAB** : Ya betul, saya sendiri yang menguruskannya

**WNAE** : Adakah ahli keluarga encik terlibat dalam bisnes ini?

ZAB : Tak ada, hanya saya seorang diri.

**WNAE** : Seterusnya, adakah encik memiliki rakan kongsi untuk bekerjasama membangunkan bisnes ini?

ZAB : Kalau dikutkan hati kalau ada berkongsi buat barang ini lebih [kemah lagi] besar lagi. Saya berminat tapi tak ada orang yang mampu yang buat.

**WNAE** : Oh okey.

**AS** : Tak ada rakan kongsi yang lain. Maksudnya perniagaan ini bekerjasama dengan orang lain?

ZAB : Tak ada. Kita kerja sendiri, pasaran pun sendiri.

**WNAE** : Okey, lepastu kiranya bengkel ini keutamaan bagi encik adalah ukiran kayu sahaja lah?

ZAB : Bengkel ini untuk kegunaan pekerjaan kayu sahaja tidak termasuk apa-apa lain. Kayu, semua kayu.

**WNAE** : Okey.

**WNAE** : Nak tanya seterusnya adakah penduduk lain yang terlibat. Contoh macam mintak kerja dekat sini?

ZAB : Ada, penduduk Kawasan ini ada permintaan kerja disini.

**WNAE : Maksudnya?**

ZAB : Jadi [Bunyi angsa] dia berminat nak kerja tapi dia tidak akan boleh buat dalam masa yang terdekat.

**WNAE : Dia perlukan latihan kan. Contohnya kalau orang itu nak datang kerja, sini dia perlu mengambil tempoh berapa lama untuk praktis.**

ZAB : Kalau seni ukiran ni kalau betul-betul minat dapat dalam masa yang pendek. Kalau tak minat ini masa yang Panjang pun takkan dapat. Biasanya orang yang betul-betul minatlah.

**WNAE : Okey.**

**WNAE : Adakah perusahaan ini memerlukan modal yang besar?**

ZAB : Kalau ukiran ni modal tak besar.

**WNAE : Kilang? Tempat ni (ini)?**

ZAB : Kilang tempat ini tidak memerlukan modal yang besar. Dia tidak memerlukan mesin yang banyak.

**WNAE : Boleh tak encik anggarkan berapa modal?**

ZAB : Modal untuk suatu ukiran ni kalau dalam RM Malaysia ni dalam RM 1000 dah dapat buat dah.

**WNAE** : Okey, contoh apakah kaedah yang encik gunakan untuk promosi bisnes encik. Macam adakah encik guna Whatsapp atau Facebook untuk promote kepada orang luar?

**ZAB** : Buat masa sekarang ni, saya tidak promote apa-apa. Laman web pun tidak. Apa pun tidak. Sekadar untuk tempahan orang yang tahu sahaja mari. Pelanggan tetap sahaja mari datang buat.

**AS** : Biasanya pelanggan dari mana?

**ZAB** : Pelanggan tu kalau ikutkan tak tentu. Dari Kerajaan pun ada dari pada orang kampung pun ada dan dari kontraktor pun ada. Kita tak pernah war-warkan kepada orang.

**WNAE** : Paling jauh pelanggan dalam Kelantan sahaja ke atau negeri lain?

**ZAB** : Paling jauh barang yang saya buat dekat Kuala Lumpur banyak contohnya Masjid negara, Masjid wilayah, Istana Alam Shah.

**WNAE** : Kiranya mereka datang nak buat, nak tempah tu melalui apa?

**ZAB** : Melalui kraftangan malaysia.

**WNAE** : Kiranya kraftangan Malaysia tu medium antara lah?

**ZAB** : Dia ada perananlah contohnya kontraktor nak cari pengukir. Dia gi (pergi) ke saluran kraftangan dan pihak kraftangan akan salur dekat kami.

- AS** : **Kiranya nama encik berdaftar di bawah kraftangan? Sejak bila?**
- ZAB** : Berdaftar dalam kraftangan lebih kurang lapan tahun sepuluh tahun lah. Kalau nak beritahu tarikh yang spesifik tu tak ingatlah.
- AS** : **Berapa anggaran kos atau perbelanjaan dari pihak kerajaan atau Kraftangan pernah beri kepada encik?**
- ZAB** : Kalau kos kraftangan bagi, kerajaan bagi kepada saya. Ianya hanya kos kayu dan mesin hanyalah 48 ribu sahaja.
- AS** : **Jadi kalau encik menggunakan saluran kraftangan. Adakah sedikit daripada pendapatan itu akan dapat kepada mereka?**
- ZAB** : Tak, dia tidak ambil atau caj apa-apa pun. Cuma dia nak majukan negaralah. Contoh [dok] nak majukan negara dari segi bidang kraftangan. Dia tak ambik upah apa-apa pun.
- AS** : **Jadinya penghargaan itu dibawah Kraftangan Malaysia?**
- ZAB** : Iya di bawah Kraftangan malaysia.
- WNAE** : **Okey kilang ni buka setiap hari ke atau ada waktu-waktu tertentu dia tutup**
- ZAB** : Kilang ni sentiasa dibuka malam [Bunyi engsel pintu] dan siang.

ZAB : Kita pengurusan kita sendiri. Kalau tutup gak (tutup).

**WNAE** : Seterusnya, biasanya [Ketawa] apa feedback (maklum balas) daripada pelanggan yang biasanya encik dapat? Mereka berpuas hati atau sebaliknya.

ZAB : Masalah, pelanggan ini kalau ikut hati ada lima puluh peratus, satu peratus kepuasan yang satu peratus tu kebanyakannya lah orang yang berkenamaan yang buat tempahan. Kalau orang kampung ini memang lah. Tuhula saja orang kampung ini. Apa yang kita buat semua tak puas hati.

**WNAE** : Soalan seterusnya encik boleh tak kongsikan harga setiap ukiran? Contoh macam singgahsana dari keseluruhan berapa kosnya?

ZAB : Kalau buat singgahsana. Bergantung [Bunyi enjin motosikal] kepada saiz.

ZAB : Yang pertama bergantung [Bunyi notifikasi aplikasi whatsapp dari telefon bimbit] kepada bunga, kedua bergantung kepada jenis-jenis kayu

**WNAE** : Anggaran contoh singgahsana habis berapa?

ZAB : Singgahsana kadang-kadang dalam empat belas kali sepuluh dalam anggaran RM enam puluh- lapan puluh ribu.

**WNAE** : Kalau benda yang apa..macam tempahan yang paling murah encik dapat? Yang paling senang dan yang paling murah.

ZAB : Tempahan yang paling murah ialah inilah untuk bagi pengantin buat perkahwinan. Jadi barang-barang yang kita tidak sepatutnya buatlah.

**WNAE : Kalau kayu yang paling mahal, chenggal. Kalau kayu paling murah?**

ZAB : Kalau kayu yang paling murah setakat ini kayu meranti.

**WNAE : Encik pernah tak mengalami kerugian selepas melalui bisnes ini?**

ZAB : Saya pernah kerugian.

**WNAE : Kerugian dari segi kayu?**

ZAB : Kalau kerugian ini banyak dari segi kita nak mencari pembekal kayu, bahan yang kita nak diseleksikan. Kita tak tahu apa yang benda tu kegunaan untuk kayu. Kayu ni kalau nak selek. Dia banyak kategori. Kalau kayu meranti cara dia lain. Kos dia besar. Di situlah kita akan dapat kerugian.

**WNAE : Adakah penjagaan kayu itu macam rumit? Susah ke?**

ZAB : Kayu tak (tidak) rumit.

**WNAE : Macam tak boleh kena air ke?**

ZAB : Tak rumit kayu cuma kita nak melaksanakan nak membuat tu susah. Proses tu yang susah.

**WNAE** : Proses pahat tu?

ZAB : Iya proses pahat.

**WNAE** : Kalau kita tersalah pahat, kita tak boleh nak baiki tak?

ZAB : Boleh kita boleh baiki cuma ambik masa jangka masa yang panjang.

**WNAE** : Pada pendapat enciklah, kerjaya seorang pengukir ni susah tapi macam mana encik hadapi segala dia dengan senang? Contohnya dari segi ukiran.

ZAB : Dari segi ukiran ni orang nampak susah tapi bagi saya ni boleh buat benda tu dengan apabila selalu kita buat, kita dapat senang. Tak pernah buat memang kita dapat susah.

**WNAE** : Dari segi ukiran, biasanya bentuk ukiran sentiasa berubah dari masa ke semasa. Encik ikut update (kemas kini) terkini ke atau stick (berpegang) pada yang lama?

ZAB : Saya guna ukiran macam hok (yang) dulu-dulu tak guna hok (yang) biasa pada zaman sekarang ni.

**WNAE** : Okey [Bunyi helaian kertas yang diselakkan] untuk isu ini, bagaimana encik melihat peranan seorang pengukir kayu dalam masyarakat dan penggunaan bahan kayu memandangkan pada masa kini terdapat banyak isu pembalakkan secara haram dan penggondolan hutan. Adakah ia menjelaskan aktiviti encik?

**ZAB** : Dari segi kayu ni. Bagi pakciknya tak susah. Kalau dari segi pembalakkan haram tu segolongan ukiran ni tidak guna banyakkan kayu. Kalau nak buat rumah tu memang banyaklah kayu. Kalau ukiran ni. Contohnya sekeping ukiran tu kalau kita nak dapatkan kayu yang saiz yang besar memang susah nak dapat.

**WNAE** : Biasanya encik mendapatkan kayu itu daripada supplier (pembekal) yang tetap lah.

**ZAB** : Iya supplier (pembekal) yang tetap.

**WNAE** : Biasanya diambil macam mana. Satu batang tu?

**ZAB** : Kayu ni biasanya kita bagi saiz dekat dia.

**WNAE** : Ohh bagi saiz.

**ZAB** : Apa saiz yang kita nak guna, kita bagi dekat dia.

**WNAE** : Contoh?

**ZAB** : Kita oyak (cakap) nok (nak) berapa dia buatlah.

**WNAE : Contoh berapa meter?**

ZAB : Berapa meter berapa lebar berapa. Contoh dua belas lebar kali sepuluh dua belas kali lima. Kita tempah.

**AS : Ambil sendiri atau pergi?**

ZAB : Kayu sekarang ni kita guna teknologi modern. Hello (hai) je dok ( saja kan). Hello (hai) dia buat-buat proses nanti kita transfer (pindah) duit, dia hantar lah.

**WNAE : Encik pernah tak ditipu oleh supplier (pembekal) kayu-kayu ni?**

ZAB : Pernah ditipu [Bunyi engsel pintu].

ZAB : Contoh beli kayunya kena berhati-hati kalau kita order kayu tu takut kena kayu lapuk, kayu lama ke. Selalu dikena tipulah.

**WNAE : Kalau kayu tu boleh dia effect (terjejas) lah kepada ukiran tu?**

ZAB : Ya, kalau kena kayu yang orang kata kayu yang kena bubuk lah tak boleh buatlah.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8: PENDAPAT/PANDANGAN/NASIHAT**

**AS : Seterusnya [Bunyi kanak-kanak sedang bermain-main] kami ingin bertanya berkenaan dengan sumbangan dan harapan encik sebagai pengukir kayu?**

**AS : Pertama pada pandangan encik adakah perusahaan pembuatan seni ukiran kayu memberikan kesan kepada diri encik dan keluarga.**

**ZAB : Bagi saya kalau buat ukiran kayu takdok (tiada) bagi kesan malah tambah keuntungan.**

**AS : Adakah warisan seni pembuatan ukiran kayu ni memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat? Pandangan encik?**

**ZAB : Pandangan saya ukiran kayu ni memberi impak yang lebih tinggi kepada masyarakat terutamanya orang [bunyi orang batuk] melayu.**

**AS : Pada pandangan encik? Apakah tanggapan encik tentang masyarakat luar berkenaan dengan seni pembuatan ukiran kayu?**

**ZAB : Tanggapan saya terhadap orang luar ini yang buat seni ukiran kayu ini tidak menggalakkan. Tidak betul- betul 100% beri sokongan yang banyak. Pasal benda ni benda susah. Jadi ramai tok dok bui (tidak bagi) yang bagi sokongan lah. Kalau dey (sempat) dia tahu memang dia akan bui (bagi) bagi sokongan.**

**WNAE** : Adakah encik rasa masyarakat berminat untuk membuat ukiran kayu jugak?

**ZAB** : Masyarakat yang membuat ukiran kayu ni ramai. Peminat tu ramai tapi nak buat tu susah jadi susahlah. Peminat tu ramai.

**WNAE** : Adakah ukiran ini mudah untuk dipasarkan dan mampu untuk menarik minat masyarakat luar khususnya generasi muda?

**ZAB** : Sekarang ni ukiran kayu masalah pasaran tu memberi masalah sikit pasalnya harga mahal. Orang biasanya orang kampung memang tak mampu pakai ukiran kayu lah. Segolongannya tak mampu, segolongan laginya mampu ye dok (betul tak)?

**AS** : Betul [AS mengangguk tanda setuju].

**WNAE** : Adakah encik rasa ukiran kayu ini yang encik buat ini boleh dipasarkan ke luar negara?

**ZAB** : Insya-Allah kalau ada kebetulan. Memang pernah ada pasarkan ke luar negara. Memang pernah ada permintaan tapi saya bukan tak percaya. Ada pasaran ke negara timur Tengah. Permintaan daripada kayu Malaysia lah, chenggal. Chenggal ini merupakan salah satu membawa umur yang panjang. tu orang suka tu (itu yang orang suka).

**WNAE** : Adakah encik rasa seni pembuatan ukiran kayu ini berupaya untuk bersaing di peringkat antarabangsa?

**ZAB** : Ukiran kayu ini boleh pergi ke peringkat antarabangsa. Dia boleh setanding dengan Uzbek (Uzbekistan), Itali, ukiran-ukiran dari negeri China. Memang dia setanding, dia boleh pergi sampai tahap ke antarabangsa.

**WNAE** : Dari segi harapan, apakah harapan encik terhadap warisan seni pembuatan ukiran kayu?

**ZAB** : Harapan saya kalau boleh seni ukiran kayu ni berterusan sampai ke akhir zaman. Kalau boleh terutamanya bangsa-bangsa melayu boleh menerokai seni ukiran kayu ini.

**WNAE** : Okey.

**ZAB** : Ada lagi?

**WNAE** : Ada lagi.

**WNAE** : Seterusnya apa pendapat encik apa langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengekalkan seni pembuatan kayu ini?

**ZAB** : Langkah-langkah?

**WNAE : Langkah-langkah nak pelihara warisan?**

ZAB : Kalau boleh warisan ukiran kayu ini anak-anak muda kita sekarang ni kalau boleh buat benda ini sampai [Bunyi atap zink yang ditiup angin] hayatnya.

**WNAE : Pernah tak encik tengok pada masa sekarang ni dia buat bengkel yang terbuka untuk anak muda untuk buat ukiran?**

ZAB : Ada, ada satu tempat ini dia buat untuk anak muda buat seni ukiran kayu untuk pelajar-pelajar. Seni ukiran kayu ini sampai sekarang pun boleh lagi dia masih aktif lagi untuk buat pelatih lahir ukiran kayu ini memang berjaya.

**WNAE : Seterusnya, daripada segi soalan tadi. Cabaran bagi mengadakan bengkel tu? Apakah cabaran untuk mengelakkan langkah warisan itu?**

ZAB : Apakah cabaran?

**WNAE : Iya cabaran. Contoh dari segi pelatih ke atau pengukir ke sebab kita nak tolong budak muda untuk berminat. Bayaran mahal atau macam [Bunyi barang jatuh] mana?**

ZAB : Tak. Kalau nak kira pelatih baru sekarang ini 30 peratus pun tak ada orang minat dari segi ukiran. Kalau ikut segi anak muda pun tak berapa minat. Cakap minat tapi buat, tak boleh buat. Cakap saja.

**WNAE : Okey.**

**AS : Nasihat?**

**WNAE : Apakah nasihat encik terhadap generasi muda yang ingin cuba ceburkan diri dalam bidang ini?**

**ZAB : Kalau boleh saya orang yang nak minat ceburan ini sangat-sangat dialukan kerana warisan salah satu tonggak untuk membawa kejayaan kepada negara dan beri hasil kepada negara. Kalau boleh teruskan lah apa yang ada kemahuan.**

**WNAE : Adakah encik percaya bahawa generasi muda ini mampu mengekalkan seni pembuatan ukiran kayu?**

**ZAB : Saya percaya banyak anak-anak buah saya ini dah berjaya dalam seni ukiran kayu tidak termasuk di Kelantan dan juga di perlis apa nuh (apa itu) memang dah berjaya.**

**WNAE : Dia memang mengekalkan warisan ini?**

**ZAB : Ya, dia memang mengekalkan warisan ini. Anak buah lah. Tahu anak buah?**

**AS : Orang yang mengikuti.**

**ZAB : Orang yang mengikut jejak langkah.**

**WNAE** : Okey, lepastu adakah encik percaya bahawa warisan ini dikekalkan generasi masa yang akan datang?

**ZAB** : Saya percaya!

**WNAE** : Walaupun zaman sekarang dah berubah, kebanyakkan orang dah tak pakai barang ukiran kayu dan beralih kepada material baru?

**ZAB** : Saya percaya ukiran kayu boleh langkah ke akhir-akhir hayat zaman pasal mengikut dari dulu lagi. Selagi ada kayu selagi tu lah ukiran akan ada kecuali tak ada kayu.

**WNAE** : Pengukir?

**ZAB** : Pengukir pun macam tu lah. Mewarisi memang ada tapi tidak. Dulu kalau kita mewarisi sepuluh orang sekarang ada lima orang tapi tak pupus pengukir kayu ini.

**WNAE** : [WNAE angguk tanda setuju].

**WNAE** : Okey, apakah nasihat encik kepada pengusaha dan pengukir kayu yang sama seperti encik?

**ZAB** : Kalau boleh [Bunyi helaian kertas yang diselak] teruskanlah perjuangan untuk ukir kayu ini sampai bertapis-tapislah ke generasi-generasinya. Usahakanlah buat perniagaan kayu atau pengukir kayu ini sampai ke akhir hayat.

**WNAE** : Okey soalan [Bunyi lori] terakhir, apakah impian yang belum tercapai mengenai seni pembuatan kayu? Contoh dari segi encik nak export produk encik ke luar negara atau nak mengekalkan atau nak membesarkan bengkel ini lagi ke?

**ZAB** : Dia ukiran kayu ini [Bunyi enjin motosikal] kalau nak perbesarkan tu memang susah. Kalau Kerajaan tidak campur tangan. Kalau itu memang susah.

**WNAE** : Oh memang tidak ada bantuan daripada kerajaan?

**ZAB** : Iya, kalau ada bantuan kerajaan mungkin ukiran kayu ini akan ke atas lagi sampai ke itali ke mana ke. Memang itu urusan kerajaan.

**WNAE** : Oh kiranya kerajaan harus mengambil peranan juga lah? Untuk mempromosikan produk encik?

**ZAB** : Memang lah, dia kena ambil peranan. Kalau dok (tak) main punggang-pungging (tunggang-terbalik) ni kalau kerajaan tidak tolong memang sentiasa macam katak di bawah tempurung. Faham?

**WNAE** : Faham.

**ZAB** : Kalau Kerajaan, sokongan Kerajaan untuk membangunkan, Kerajaan kena war-warkan [Bunyi engsel pintu yang ditiup angin] lah.

**ZAB : Habis [doh]?**

WNAE : Habis dah sekarang kita nak buat ayat penutup.

#### **TAMAT BAHAGIAN 8**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni pengukiran kayu bersama Encik Zulkiflee Bin Awang Besar yang merupakan seorang pengukir kayu dari tahun 2000 hingga tahun 2023. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni pengukiran kayu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **RUJUKAN**

## RUJUKAN

*Awan Larat Riau | IWareBatik.* (n.d.). <https://www.iwarebatik.org/awan-larat-riau/>

*Carian umum.* (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=singgahsana>

*Contributors to Wikimedia projects.* (2021, August 12). *Singgahsana. Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas.* <https://ms.wikipedia.org/wiki/Singgahsana>

*Desaukirankayu.* (n.d.). *Jenis pola ukiran.* <https://desaukirankayu.blogspot.com/2010/07/jenis-pola-ukiran.html>

*Figure-6. The “Awan Larat” wood carving motif, symbolizing harmony and .* (n.d.). ResearchGate. [https://www.researchgate.net/figure/Figure-6-The-Awan-Larat-wood-carving-motif-symbolizing-harmony-and-geometrical\\_fig5\\_331040034](https://www.researchgate.net/figure/Figure-6-The-Awan-Larat-wood-carving-motif-symbolizing-harmony-and-geometrical_fig5_331040034)

*Library Guide: Pameran Ukiran Kayu: peralatan.* (n.d.). <https://umlibguides.um.edu.my/pamerankayu/peralatan>

Vio, F. (n.d.). *SENI VISUAL.* SENI VISUAL. <https://secretofart.blogspot.com/2012/10/jenis-jenis-bunga-ukir.html>

5 Jenis Alat Pahat Ukir Kayu. (n.d.). *ilmusaku.com.* Retrieved January 20, 2024, from <https://ilmusaku.com/5-jenis-alat-pahat-ukir-kayu-wajib-untuk-seni-ukir/>

# LAMPIRAN

## **LOG WAWANCARA**

Ain Syafiqah binti Abdullah dan Wan Nur Amalin Eliana binti Wan Zulman menemubual Encik Zulkiflee bin Awang Besar, yang dilahirkan pada 16 Mei 1970 di Pasir Tumboh, Kelantan. Temubual dijalankan di kediaman beliau di Kampung Mentera, Bukit Marak, Kota Bharu, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pengukir kayu.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
1.02	Menceritakan tentang asal dan tempat lahir.	
1.54	Menceritakan tentang nama samaran.	Pok Ju.
3.31	Menceritakan tentang ibu bapa.	Orang tua sudah meninggal dunia.
4.12	Berkongsi mengenai pasangan dan anak-anak.	Mempunyai tiga orang anak, Muhammad Aidi, Nurul Izzah Adila, Nur Aleeya Najwa. Nama isteri ialah Suriza binti Jusoh.
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
5.26	Menceritakan tentang sejarah berkaitan pendidikan.	Sijil Rendah Pendidikan (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sekolah Kubang Kerian, Kelantan.
6.04	Menceritakan tentang minat ketika	Subjek Kemahiran Hidup,

	zaman persekolahan.	mekanikal, pertukangan.
6.30	Menceritakan tentang kursus khas persatuan yang pernah disertai.	Kursus kemahiran seni, buat pameran.
6.55	Menceritakan tentang pengalaman di zaman persekolahan yang tidak dapat dilupakan.	Pengalaman bersama guru yang mengajar.

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN**

7.26	Menceritakan tentang pengalaman kerjaya, bagaimana memulakan kerjaya selepas tamat pengajian.	Selalu pergi ke bengkel-bengkel seni untuk cari ilmu kerja. Bermula dari umur 20-an.
8.12	Berkongsi mengenai langkah yang diambil untuk mendapatkan kerja.	Berusaha lebih.
8.49	Menceritakan mengenai peranan seseorang dalam mempengaruhi dalam memilih bidang yang diceburi.	Tiada pengaruh daripada orang lain, semuanya usaha sendiri.
9.18	Menceritakan tentang apa yang membangkitkan semangat dan minat terhadap ukiran kayu.	Melalui tiga ciri, usaha, tekun dan fikiran sentiasa berkembang serta terbuka untuk membuat sesuatu kerja. Itu sahaja yang membangkitkan semangat beliau.
10.03	Berkongsi tentang tugas utama dalam ukiran kayu.	Mengenali jenis kayu.
10.44	Berkongsi mengenai tempoh perkhidmatan dalam bidang	Hampir 30 tahun.

	ukiran kayu.	
10.58	Berkongsi mengenai pendapatan yang diperoleh daripada bidang ukiran kayu.	Usaha lebih, pendapatan lebih. Lebih kurang 5, 6 ribu keuntungan paling sedikit. Keuntungan paling banyak 10 atau 15 ribu.
11.46	Berkongsi mengenai permintaan ukiran kayu.	Pejabat-pejabat kerajaan, orang-orang kampung.
12.10	Menceritakan tentang kepuasan hati semasa bekerja dalam bidang ukiran kayu.	Hanya menerima sahaja walaupun tidak berpuas hati kerana lumrah.
12.35	Berkongsi berkenaan pencapaian terbesar yang pernah diperoleh.	Permintaan ukiran kayu yang banyak daripada istana Kuala Terengganu.
13.08	Berkongsi mengenai cabaran dan ujian yang dihadapi sepanjang perjalanan kerjaya.	Cabaran daripada pihak yang tidak membayar upah ukir kayu.
14.12	Menceritakan tentang kos untuk mendapatkan kayu.	Harga mahal.
14.35	Berkongsi tentang anugerah atau penghargaan yang diperoleh.	Mendapat anugerah daripada Kraftangan Malaysia (empat bintang).

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH DAN ASAL USUL SENI UKIRAN KAYU**

15.15	Berkongsi mengenai kategori ukir kayu.	Salah satunya awan larat, banyak jenis iaitu bunga raya, pucuk rebung, daun sirih, daun ketumbit,
-------	--	---

		bunga petai.
16.38	Berkongsi mengenai pelajaran dan kursus-kursus ukiran kayu yang dipelajari.	Belajar ukiran kayu daripada pengukir kayu termasyhur di Kelantan dan Terengganu iaitu Latif Long.
17.28	Berkongsi mengenai peralatan penting yang digunakan dalam seni ukiran kayu.	Pahat.
18.59	Jenis-jenis ukiran kayu yang dipelajari.	Awan larat iaitu bunga ketumbit, bunga raya, pucuk rebung serta seni geometri islam.
20.40	Berkongsi mengenai pembuat seni ukiran kayu lain daripada kawasan tempat tinggal.	Terdapat dua atau tiga pengusaha ukir kayu di kawasan tempat tinggal.

#### **BAHAGIAN 5: PENGALAMAN SEBAGAI PENGUKIR KAYU**

23.20	Bercerita tentang masa yang diperlukan untuk mempelajari teknik pengukiran kayu.	Empat tahun.
24.30	Berkongsi tentang jumlah hasil ukiran kayu yang dibuat dalam tempoh tiga puluh tahun menceburkan diri dalam bidang ukiran kayu.	Telah menghasilkan banyak ukiran kayu, hasil jualan mungkin dalam empat ratus atau lima ratus ribu.
25.13	Berkongsi mengenai ukiran kayu yang paling susah untuk diukir.	Ukir kayu paling susah adalah pada kayu merawang, meranti, meraweh. Corak bunga paling

		susah, corak bunga ketumbit.
26.15	Berkongsi mengenai masa yang diambil untuk menyiapkan ukiran kayu untuk satu persegi.	Lima atau lapan jam setengah kaki sehari.

#### BAHAGIAN 6: PROSES PENGUKIRAN KAYU

26.42	Menceritakan tentang proses pengukiran kayu.	Pertama, mencari pembekal kayu, peralatan dan mesin-mesin. Kedua, perlu bayangkan fikiran mahukan mengikut kesesuaian dan sebab. Proses pengukiran kayu yang rumit. Yang tidak berpengalaman proses rumit dan yang berpengalaman tidak rumit.
27.59	Berkongsi mengenai situasi pernah berputus asa semasa membuat ukiran kayu.	Pernah berputus asa.
28.24	Berkongsi tentang proses yang paling rumit untuk dikendalikan.	Proses corak. Perancangan corak yang paling rumit.
28.50	Berkongsi tentang masa dan hari yang diambil untuk memikirkan suatu bentuk.	Corak bunga yang susah mengambil masa dua atau tiga jam untuk buat.
29.38	Berkongsi tentang penghasilan ukiran kayu mengikut jenis kayu yang berbeza.	Kayu cengal paling senang diukir.
29.51	Menyatakan alatan dan mesin yang digunakan untuk	Pahat, mesin penghala, jigsaw dan gerudi.

	menghasilkan ukiran kayu.	
30.50	Berkongsi tentang pembekal alatan mesin dan bagaimana mendapatkan alatan tersebut.	Beli sendiri alatan mesin. Mendapat sedikit sumbangan daripada pihak kerajaan. Mesin untuk buat ukiran kayu senang untuk didapatkan.
32.03	Menceritakan tentang maksud setiap ukiran.	Ukiran bunga raya melambangkan kebangsaan negara.
33.42	Peranti yang digunakan untuk mengukir kayu.	Mesin kayu.
34.27	Ciri-ciri menjadi seorang pengukir.	Harus meminati seni ukir kayu.
34.50	Berkongsi nasihat untuk individu yang ingin menjadi seorang pengukir.	Menggalakkan pengukir-pengukir daripada kalangan anak muda untuk memperluaskan seni ukir kayu.
35.11	Menceritakan tentang cabaran-cabaran menjadi seorang pengukir kayu.	Mencabar dari segi fikiran, perbuatan dan perniagaan. Cabaran lain adalah masalah kayu, susah untuk mendapatkan kayu yang berkualiti.
<b>BAHAGIAN 7: PENCAPAIAN/PENGANUGERAHAN DAN SUMBANGAN</b>		
35.54	Tempoh masa menguruskan dan mengendalikan stor tempat membuat ukiran kayu.	Hampir 18 tahun.

36.47	Berkongsi perkembangan bisnes.	Mengusahakan sendiri perusahaan ukir kayu.
38.03	Menyatakan terdapat penduduk lain yang terlibat dengan pembuatan ukiran kayu jika ingin bekerja.	Terdapat penduduk yang pernah meminta pekerjaan.
38.40	Berkongsi tentang modal perusahaan.	Modal ukiran dan perusahaan tidak besar kerana tidak memerlukan mesin yang banyak. Modal untuk satu ukiran hanya dalam RM 1000.
39.16	Berkongsi bahawa tidak menggunakan apa-apa kaedah untuk mempromosikan bisnes ukiran kayu.	Tidak mempromosikan bisnes di laman web, hanya pelanggan tetap sahaja yang datang.
39.30	Berkongsi mengenai ramai pelanggan tidak kira status yang menempah ukiran kayu.	Penduduk kampung, pihak kerajaan, kontraktor, dari negeri-negeri lain contohnya Kuala Lumpur, Terengganu.
40.14	Menyatakan bahawa Kraftangan Malaysia menjadi medium perantara antara pengukir dan pelanggan.	Jika kontraktor ingin mencari pengukir, pihak Kraftangan akan beri kerja kepada pengukir. Nama encik Zulkiflee telah 10 tahun berdaftar dalam Kraftangan Malaysia.
40.50	Berkongsi tentang kos perbelanjaan yang dibantu oleh	Kos kayu dan mesin lebih kurang RM 48,000 sahaja.

	pihak kerajaan atau Kraftangan Malaysia terutama kos kayu dan mesin.	
41.53	Menceritakan maklum balas pelanggan terhadap kerja yang dilakukan.	Maklum balas yang memuaskan.
42.30	Berkongsi mengenai harga setiap ukiran.	Bergantung kepada saiz, corak dan jenis-jenis kayu. Singgahsana berharga lebih kurang 60 atau 80 ribu sahaja. Ukiran kayu paling mahal ialah kayu cengal dan paling murah ialah kayu meranti.
43.35	Menyatakan pernah mengalami kerugian.	Ditipu oleh pembekal kayu. Kayu yang dibekalkan tidak berkualiti.
44.12	Menyatakan penggunaan jenis ukiran.	Beliau menggunakan ukiran seperti zaman-zaman dahulu.
46.30	Berkongsi pernah ditipu oleh pembekal kayu.	Perlu berhati-hati semasa membeli kayu, elak kayu lapuk dan lama.

#### **BAHAGIAN 8: PENDAPAT/PANDANGAN/NASIHAT**

47.30	Menyatakan pembuatan seni ukiran kayu tidak memberi kesan negatif.	Pembuatan ukiran kayu menambahkan keuntungan.
47.53	Menyatakan warisan seni ukiran kayu memberi impak positif.	Ukiran kayu memberi impak yang tinggi kepada masyarakat terutama orang melayu.

48.09	Menyatakan tanggapan masyarakat luar terhadap seni ukiran kayu.	Tidak menggalakkan. Tidak mendapat banyak sokongan.
49.05	Menyatakan bisnes ukiran kayu sukar dipasarkan.	Sukar dipasarkan kerana harga yang mahal. Orang kampung tidak mampu membeli ukiran kayu.
49.40	Menyatakan bahawa seni ukiran kayu boleh dipasarkan di luar negara dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa.	Pernah mendapat permintaan daripada negara luar. Ukiran kayu cengal paling banyak mendapat permintaan. Ukiran kayu boleh ke peringkat antarabangsa dan setanding dengan seni ukir negara Uzbekistan, Itali dan China.
50.43	Menyatakan harapan terhadap seni warisan ukiran kayu.	Berharap agar seni ukiran kayu berterusan hingga ke akhir zaman. Berhasrat orang melayu boleh menerokai seni ukiran kayu.
51.38	Menyatakan bahawa terdapat bengkel yang terbuka untuk belajar ukiran kayu.	Terdapat bengkel yang dibuka untuk pelajar-pelajar seni ukir kayu. Ramai pelatih yang berjaya.
53.00	Berkongsi nasihat kepada generasi muda yang ingin cuba ceburkan diri dalam bidang seni ukiran kayu.	Mengalu-alukan orang yang berminat menceburkan diri dalam seni ukir kayu kerana warisan adalah salah satu tonggak untuk membawa kejayaan kepada negara.
54.50	Berkongsi nasihat kepada	Teruskan perjuangan dalam seni

	pengusaha dan pengukir kayu yang lain.	ukir kayu. Usahakan perniagaan ini hingga ke akhir hayat.
55.32	Menyatakan pihak kerajaan harus memberi bantuan dan mengambil peranan dalam membantu dan mempromosikan produk seni ukiran kayu.	Kerajaan perlu membangun dan mengwar-warkan seni ukir kayu.

## DIARI KAJIAN

Tindakan sebagai penyelidik sepanjang kajian ini berjalan adalah:

Masa	Tarikh	Pekara	Tindakan
12.00 petang - 2.00 petang	5 Oktober 2023	Puan Nurulannisa sedang mengendalikan subjek Dokumentasi Lisan IMR604 dan telah menyediakan topik baru untuk semester tersebut iaitu sama seperti semester sebelumnya. Subjek ini melibatkan perbincangan kumpulan dan temu bual untuk pelajar. Tumpuan adalah untuk mencari lokasi yang sesuai di Terengganu, Pahang, dan Kelantan untuk kajian. Encik Zulkiflee Bin Awang Besar merupakan penyelidik yang dipilih untuk kajian ini. Topik tersebut dibincangkan melalui perbincangan kumpulan WhatsApp mengenai Warisan Budaya dan Kandungan Tempatan. Matlamatnya adalah untuk menyediakan abstrak yang lebih komprehensif dan memuat naiknya ke Google Classroom untuk kajian lanjut.	Membuat catatan berkenaan tema kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu dijalankan.  Menentukan pasangan ahli kumpulan masing-masing.  Mengambil maklum berkenaan saranan pensyarah dan berusaha mencari tokoh di negeri Kelantan.
2.00 petang - 3.00 petang	5 Oktober 2023	Mencari tokoh di kawasan Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu, dan Kelantan.  Kami menetapkan tokoh pengukir kayu iaitu Encik Zukiflee sebagai tokoh untuk kajian lisan kami.	Mencari tokoh di platform sosial media.

9.43 pagi - 10.28 pagi	19 Oktober 2023	<p>Puan Nurulannisa memberi maklumat melalui platform WhatsApp group berkenaan tema terkini kajian lisan iaitu Tokoh Warisan Budaya (Cultural Heritage) dan Tokoh Kandungan Tempatan (Local Content). Puan Nurulannisa turut berkongsi berkenaan kriteria asas bagi tokoh yang dipilih bagi kajian lisan tersebut.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk menyiapkan abstrak kajian terlebih dahulu dan menghantarnya di platform Google Classroom bagi tujuan semakan.</p>	<p>Mengambil maklum berkenaan tema terkini kajian lisan.</p> <p>Berbincang dengan ahli kumpulan berkenaan tokoh yang dipilih dan mula menyediakan abstrak bagi kajian lisan.</p>
2.00 petang - 2.30 petang	26 Oktober 2023	<p>Kami menghubungi Encik Zulkiflee Bin Awang Besar melalui Whatsapp untuk bertanyakan berkenaan kesudian beliau untuk di temu bual bagi projek kajian lisan kami.</p> <p>Encik Zulkiflee Bin Awang Besar telah bersetuju untuk ditemu bual oleh pihak kami dalam masa yang terdekat.</p>	<p>Menerangkan kepada tokoh berkenaan kajian lisan dan maklumat penting yang perlu beliau ketahui.</p> <p>Kami mengambil tokoh untuk ditemu bual dan menghubungi beliau dari masa ke semasa untuk kemaskini maklumat penting berkenaan proses</p>

			temu bual yang bakal dijalankan.
5.00 petang	27 Oktober 2023	Kami menyiapkan abstrak.	Menyiapkan abstrak kajian dengan merujuk sumber maklumat yang diperoleh melalui carian Google.
	23 November 2023	Kami berbincang mengenai proposal projek kajian lisan yang boleh disiapkan selepas menyiapkan soalan temubual. Kami mencari maklumat berkenaan kajian bagi bahagian tinjauan literatur yang disertakan dalam proposal.	Menyiapkan proposal dan tinjauan literature.
1.00 petang	30 November 2023	Puan Nurulannisa memberi komen berkenaan soalan temu bual yang dihantar di Google Classroom.	Mengambil maklum berkenaan maklum balas dan komen daripada Puan Nurulannisa serta mengambil masa untuk memperbaiki kesalahan yang terdapat set dalam soalan temu bual.
3.00 petang -	16 Disember 2023	Temu bual bersama Encik Zulkiflee Bin Awang Besar di kediamannya iaitu di	Temu bual dijalankan kirakira selama 1 jam lebih

4.00 petang		Kampung Mentera Banggu Bukit Marak Kota Bharu, Kelantan.	bersama Encik Zulkiflee Bin Awang Besar di kediamannya.
4.30 petang	16 Disember 2023	Mengucapkan terima kasih kepada Encik Zulkiflee Bin Awang Besar atas kesudian beliau untuk sesi temu bual.	Mengungkapkan ucapan terima kasih sebelum berangkat pulang dengan menghadiahkan beliau cenderahati daripada pihak kami sebagai tanda kenangan.

# SENARAI SOALAN

**Pengenalan:** [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni pembuatan ukiran kayu. Bersama-sama kami ialah **Encik Zulkiflee Bin Awang Besar** yang merupakan seorang pengukir kayu dari tahun 2000 hingga tahun 2023. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **16 Disember 2023** bersamaan dengan hari **Sabtu** pada pukul 3 petang bertempat di **Kampung Mentera Bukit Marak Kota Bharu Kelantan**. Temubual ini dikendalikan oleh **Ain Syafiqah Binti Abdullah dan Wan Nur Amalin Eliana Binti Wan Zulman**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## 1. Latar Belakang Tokoh

1. Bolehkah Encik kongsikan berkenaan latar belakang encik?
  - Nama penuh
  - Umur
  - Tempat tinggal
  - Tarikh lahir
2. Adakah encik memiliki sebarang nama samaran?
3. Bolehkah encik kongsikan latar belakang keluarga encik seperti ibu bapa dan adik beradik encik?
4. Boleh saya tahu, encik mempunyai berapa orang adik-beradik dan encik merupakan anak yang ke berapa?
5. Bolehkah encik kongsikan juga latar belakang keluarga encik berkenaan pasangan dan anak-anak encik?

**Ayat permulaan:** Baiklah, sekarang kita akan beralih ke persoalan seterusnya iaitu berkenaan sejarah pendidikan encik.

## 2. Sejarah Pendidikan

1. Bolehkah encik ceritakan serba sedikit berkaitan dengan sejarah pendidikan encik?
2. Sewaktu masih bergelar pelajar, adakah encik mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara?
  - Subjek
  - Aktiviti
3. Adakah encik juga pernah bergiat aktif dalam menyertai kursus-kursus khas atau persatuan?
4. Adakah kemahiran dan pengalaman encik semasa di bangku persekolahan mempengaruhi diri dan kerjaya encik sekarang?
5. Apakah pengalaman di zaman persekolahan yang paling encik tidak dapat lupakan?

**Ayat permulaan:** Baiklah, mengenai pengalaman kerjaya encik, ...

## 3. Pengalaman Kerjaya

1. Bagaimana encik memulakan kerjaya pertama selepas menamatkan pengajian?
2. Apakah langkah-langkah yang encik ambil untuk mendapatkan pekerjaan tersebut?
3. Siapa yang memainkan peranan utama dalam mempengaruhi encik dalam memilih kerjaya ini?
4. Apa yang membangkitkan minat encik terhadap bidang ini?
5. Apakah tugas utama encik dalam bidang tersebut?
6. Berapakah tempoh perkhidmatan encik dalam bidang ini?
7. Adakah pendapatan encik mencukupi atau memuaskan?
8. Sejauh manakah encik berpuas hati semasa berkhidmat?
9. Apakah pencapaian terbesar encik sepanjang tempoh perkhidmatan?

10. Apa cabaran dan ujian yang encik hadapi sepanjang perjalanan kerjaya encik?
11. Adakah encik pernah menerima sebarang penghargaan atau anugerah semasa berkhidmat?

#### **Sejarah/Pengalaman sebagai Pembuat dan Pengusaha Seni Ukir Kayu**

**Ayat permulaan:** Baiklah, mengenai sejarah dan asal usul pengukiran kayu,...

#### **4. Sejarah dan Asal Usul Seni Ukiran Kayu**

1. Bolehkah encik berkongsi dengan kami sejarah dan asal usul seni ukiran ini?
2. Sudah berapa lamakah warisan seni ukiran ini bertapak di kawasan ini?
3. Siapakah yang mendorong encik untuk melibatkan diri dalam bidang seni ukir ini ini?
4. Boleh encik senaraikan alatan yang penting dalam seni ukiran kayu?
5. Adakah bahan tersebut susah untuk didapati?
6. Di manakah lokasi bahan tersebut boleh didapati?
7. Berapakah jenis ukiran kayu yang ada?
8. Adakah setiap jenis ukiran kayu mempunyai reka bentuk yang berbeza?
9. Adakah setiap reka bentuk ukiran kayu mempunyai fungsi dan keunikan yang berbeza?
10. Adakah setiap jenis ukiran kayu mempunyai reka bentuk yang berbeza?
11. Adakah setiap reka bentuk ukiran kayu yang encik buat itu mempunyai fungsi dan keunikan yang berbeza?
12. Selain encik, adakah terdapat pembuat seni ukiran kayu lain yang ada di kawasan ini?
13. Apakah tujuan utama seni pembuatan ukiran kayu dalam konteks seni dan kebudayaan?
14. Bagaimana seni pembuatan ukiran kayu dapat memengaruhi atau menambah nilai estetika pada sebuah objek atau struktur?
15. Apa peranan seni pembuatan ukiran kayu dalam melestarikan warisan budaya dan tradisi masyarakat?

**Ayat permulaan:** Seterusnya, kami ingin bertanya berkenaan pengalaman encik sebagai pengukir kayu

### **5. Pengalaman sebagai Pengukir Kayu**

1. Mengapakah encik memilih untuk menjadi pengukir kayu?
2. Siapakah yang mengajar encik berkenaan teknik membuat ukiran kayu ini?
3. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk mempelajari teknik mengukir kayu?
4. Berapakah jumlah ukiran kayu yang encik telah hasilkan?
5. Di manakah lokasi penghasilan ukiran kayu ini?

### **6. Proses Pengukiran Kayu**

1. Bolehkah encik kongsikan berkenaan proses pengukiran kayu?
2. Adakah proses mengukir ini rumit?
3. Proses manakah yang paling rumit untuk dikendalikan?
4. Adakah setiap jenis ukiran kayu mempunyai tempoh penghasilan yang berbeza?
5. Apakah alatan dan mesin yang digunakan untuk menghasilkan ukiran kayu?
6. Adakah alatan dan mesin tersebut rumit untuk dikendalikan?
7. Siapakah pembekal bagi alatan dan mesin ini?
8. Adakah alatan dan mesin tersebut dijual dengan harga yang tinggi?
9. Apakah jenis ukiran yang biasanya diukir pada kayu?
10. Adakah ukiran pada kayu mempunyai maksud yang tertentu?
11. Apakah ukiran yang encik paling gemari?
12. Adakah encik mempunyai perantis bagi pengukiran kayu ini?
13. Bolehkah encik kongsikan kriteria yang perlu ada untuk menjadi pengukiran?
14. Apakah nasihat encik kepada individu yang ingin menjadi pengukir kayu?
15. Adakah menjadi seorang pengukir kayu ini mencabar bagi encik?
16. Apakah cabaran-cabaran yang encik hadapi sebagai pengukir?

17. Adakah pengukiran kayu ini diterima baik oleh masyarakat setempat?

**Ayat permulaan:** Seterusnya, kami ingin bertanya berkenaan pencapaian/penganugerahan dan sumbangan encik sebagai pengukir kayu.

## 7. Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan

1. Sudah berapa lama encik mengusahakan bisnes ukiran kayu ini?
2. Bolehkah encik kongsikan perkembangan bisnes encik dari dulu hingga kini?
3. Adakah pengusahaan ukiran kayu ini hanya diuruskan oleh encik sahaja?
4. Adakah ahli keluarga encik turut terlibat dalam bisnes ukiran kayu ini?
5. Adakah encik memiliki rakan kongsi bagi bisnes ini?
6. Adakah encik mempunyai pekerja bagi menjalankan bisnes ini?
7. Adakah perusahaan ukiran kayu ini merupakan kegiatan utama untuk encik?
8. Adakah penduduk di kawasan ini juga turut menjalankan bisnes ukiran kayu?
9. Adakah perusahaan ukiran kayu ini memerlukan modal yang besar?
10. Apakah kaedah yang encik gunakan untuk mempromosikan bisnes encik?
11. Adakah kaedah yang digunakan memerlukan kos yang tinggi?
12. Di manakah lokasi penjualan ukiran kayu milik encik?
13. Adakah perniagaan ini dijalankan setiap hari?
14. Adakah encik juga turut menjalankan perniagaan ukiran kayu atas talian?
15. Adakah encik menerima tempahan dari pelanggan?
16. Siapakah yang biasanya menjadi pelanggan encik?
17. Apakah sebab utama mereka membeli ukiran kayu ini?
18. Apakah maklum balas yang biasanya diterima dari pelanggan?
19. Bolehkah encik kongsikan harga setiap ukiran kayu yang pernah encik jual?
20. Berapakah jumlah keuntungan yang encik terima melalui bisnes ini?
21. Pernahkah encik mengalami kerugian sepanjang menjadi pengukir kayu?
22. Adakah menjadi pengukir kayu ini merupakan kerjaya yang sulit bagi encik?
23. Pernahkah encik menerima anugerah sepanjang menjadi pengukir kayu?

24. Bagaimana encik melihat peranan pengukiran kayu dalam masyarakat dan penggunaan bahan kayu memandangkan kini banyak isu pembalakan secara haram atau penggondolan hutan? Adakah ia menjelaskan aktiviti encik?

**Ayat permulaan:** Seterusnya, kami ingin bertanya berkenaan pengalaman encik sebagai pengukir kayu

## 8. Pendapat/Pandangan/Nasihat

1. Pada pandangan encik, adakah perusahaan pembuatan seni ukiran kayu memberikan kesan kepada diri encik dan keluarga?
2. Pada pandangan encik, adakah warisan seni pembuatan ukiran kayu ini memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat?
3. Pada pandangan encik, apakah tanggapan masyarakat luar berkenaan seni pembuatan ukiran kayu ini?
4. Adakah ukiran kayu ini mudah untuk dipasarkan dan mampu untuk menarik minat masyarakat luar?
5. Adakah seni pembuatan ukiran kayu ini berupaya untuk bersaing di peringkat antarabangsa?
6. Apakah harapan encik terhadap warisan seni pembuatan ukiran kayu ini?
7. Pada pendapat encik, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengekalkan warisan seni pembuatan ukiran kayu ini?
8. Apakah cabaran bagi melaksanakan langkah-langkah yang encik nyatakan ini?
9. Apakah nasihat encik terhadap generasi muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang seni pembuatan ukiran kayu ini?
10. Adakah encik percaya bahawa generasi muda mampu untuk mengekalkan seni pembuatan ukiran kayu ini?
11. Adakah encik percaya bahawa warisan seni pembuatan ukiran kayu ini dapat dikekalkan hingga ke masa akan datang?

12. Apakah nasihat encik kepada pengusaha dan pengukir kayu sama seperti diri encik sendiri?
13. Akhir sekali, apakah impian yang masih belum tercapai apabila bercakap mengenai warisan seni pembuatan ukiran kayu?

**Penutup:** *[rakam selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni pengukiran kayu Bersama **Encik Zulkiflee Bin Awang Besar yang merupakan seorang pengukir kayu dari tahun 2000 hingga tahun 2023**. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni pengukiran kayu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## LAMPIRAN 4



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MONGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... BINTI AWANG ..... K/P:... pada  
16 Disember 2022, dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ sumutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diildakn perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh BINTI AWANG )  
Tarikh:

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Gambar 1: Surat Perjanjian

#### LAMPIRAN 5



Gambar 2: Selesai sesi temu ramah bersama Encik Zulkiflee bin Awang Besar

#### LAMPIRAN 6



Gambar 3: Contoh seni ukir kayu



Gambar 4: Contoh seni ukir kayu



Gambar 5: Contoh seni ukir kayu



Gambar 6: Contoh seni ukir kayu



Gambar 7: Contoh seni ukir kayu

## LAMPIRAN 7



Gambar 8: Contoh mesin kayu



Gambar 9: Contoh mesin kayu

# **INDEKS**

## **INDEKS**

### **A**

Alat, 17, 70, 97  
Awan larat, 17, 75, 97

### **M**

Malaysia, 11, 25, 30, 36, 39, 42, 53, 54,  
55, 62, 72, 74, 78, 97  
Melayu, 37, 39, 40, 70, 97  
Meraweh, 97  
Mesin, 46, 48, 76, 77, 97

### **B**

Bunga petai, 97  
Bunga raya, 97

### **P**

Pahat, 17, 70, 75, 76, 97  
Pasir Tumboh, 23, 27, 72, 97  
Pengukir, 4, 6, 41, 49, 66, 87, 97  
Pucuk rebung, 97

### **C**

Cengal, 97  
China, 63, 79, 97  
Corak, 14, 43, 75, 76, 97

### **S**

Seni, 6, 25, 37, 42, 64, 86, 97  
Siam, 97

### **D**

Daun ketumbit, 97

### **T**

Terengganu, 23, 35, 37, 41, 74, 75, 78,  
81, 97

### **I**

Indonesia, 39, 97

### **U**

Ukir, 40, 70, 75, 86, 98

Itali, 63, 79, 97

Ukiran, 6, 23, 35, 39, 40, 42, 47, 48, 63,  
70, 77, 78, 79, 86, 98

Uzbekistan, 15, 63, 79, 98

## K

Kampung, 8, 9, 23, 27, 72, 83, 84, 97

Kayu, 4, 6, 35, 39, 47, 52, 57, 59, 70, 76,  
78, 86, 87, 97

Kelantan, 8, 9, 23, 27, 30, 37, 54, 65, 72,  
75, 81, 83, 84, 97

Kerajaan, 54, 67, 80, 97

Kontraktor, 97

Kraftangan, 23, 36, 55, 74, 78, 97

## W

Warisan, 25, 81, 82